



KESEJAHTERAAN BELIA HARAPAN MASA DEPAN



KANDUNGAN

1

Latar
Belakang

2

Janji Untuk
Anak Muda

4

Teras 1 :
Meringankan
Bebatan
Kehidupan
Rakyat

5

Teras 2 :
Mereformasi
Institusi
Pentadbiran dan
Politik

6

Teras 3 :
Merancak
Pertumbuhan
Ekonomi yang
Adil dan Saksama

7

Teras 4 :
Mengembalikan
Status Sabah dan
Sarawak
Berteraskan
Perjanjian Malaysia
1963

8

Teras 5 :
Membina Malaysia
yang Inklusif,
Moderat dan
Gemilang di
Persada Dunia

10

10 Janji
100 Hari

11

Iltizam Khusus
Kerajaan Untuk
Anak Muda

19

Kesimpulan

Booklet ini adalah berdasarkan daripada janji untuk anak muda oleh pihak kerajaan persekutuan yang telah digarap daripada Buku Harapan.

LATAR BELAKANG



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Matlamat bagi mencapai kesejahteraan belia yang merupakan harapan masa depan negara adalah dengan membuktikan bahawa anak muda dilihat sebagai aset yang perlu dibangunkan dan bukannya liabiliti yang perlu ditanggung oleh negara. Lantaran itu, aset belia perlu dibangunkan agar potensi golongan muda ini dapat diserahkan dan mereka berupaya untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Kualiti dan kesejahteraan hidup dapat diukur melalui Indeks Belia Malaysia yang telah dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS). Kualiti dan kesejahteraan hidup generasi muda sejak tahun 2015 hingga 2017 berada pada tahap yang SEDERHANA dengan skor ekonomi dan sosialisasi politik yang paling rendah berbanding domain yang lain. Trend ini membuktikan keperluan untuk diwujudkan satu desakan bagi memantapkan lagi kualiti dan kesejahteraan hidup belia menerusi pelbagai inisiatif yang holistik dan tersusun selari dengan hala tuju Dasar Belia Malaysia (DBM). Pastinya garapan bersepadu pelbagai pihak dalam melaksanakan inisiatif pembangunan belia ini akan menjadi pemangkin bagi mencapai matlamat pentadbiran kerajaan di bawah Pakatan Harapan untuk:

.. berganding bahu dalam memacu agenda reformasi berterusan untuk membentuk masa depan Malaysia yang lebih baik untuk semua - maju, makmur dan bahagia - yang dicapai menerusi teras-teras fundamental seperti nilai-nilai yang dikongsi bersama, budaya ilmu, kebebasan, kebenaran, keadilan sosial dan ekonomi, maruah, ketamadunan, keamanan, perpaduan, kemakmuran, demokrasi dan meritokrasi.....bertekad untuk membina satu Bangsa Malaysia yang berdasarkan semangat, amanah dan solidariti yang berteraskan Wawasan 2020

(Pakatan Harapan. 2018. Buku Harapan - Membina Negara Memenuhi Harapan, pp 9-10).

JANJI UNTUK ANAK MUDA

5

TERAS

7

JANJI



TERAS

1

Meringankan
Beban
Kehidupan
Rakyat

TERAS

2

Mereformasi
Institusi
Pentadbiran
dan Politik

TERAS

3

Merancak
Pertumbuhan
Ekonomi yang
Adil dan
Saksama

TERAS

4

Mengembalikan
Status Sabah
dan Sarawak
Berteraskan
Perjanjian
Malaysia 1963

TERAS

5

Membina
Malaysia yang
Inklusif,
Moderat dan
Gemilang di
Persada Dunia

Janji 5 :
Meringankan
Beban Hidup
Yang
Ditanggung
Oleh Anak
Muda

Janji 28 :
Membina
Generasi
Muda yang
Kreatif dan
Bebas
daripada
Cengkaman
Kezaliman

Janji 34 :
Meningkatkan
pendapatan
rakyat
terbanyak

Janji 35 :
Menaikkan
martabat
golongan
pekerja dan
mewujudkan
lebih banyak
pekerjaan
berkualiti

Janji 42 :
Mencipta
Lebih
Banyak
Peluang
Pekerjaan
Bergaji
Tinggi
untuk
Anak-anak
Sabah dan
Sarawak

Janji 52 :
Memerangi
Jenayah
dan Gejala
Sosial

Janji 55 :
Mempelbagaikan
ruang aktiviti
golongan muda

1

TERAS MERINGANKAN BEBANAN KEHIDUPAN RAKYAT

JANJI 5 Meringankan Beban Hidup Yang Ditanggung Oleh Anak Muda

- 1** Memberi keutamaan kepada anak muda yang layak untuk **membeli atau menyewabeli rumah mampu milik** di seluruh Malaysia
- 2** Mengurangkan kadar **duti eksais kereta import** yang berperingkat bagi kereta pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1600 cc
- 3** Melanjutkan **tempoh bayaran PTPTN** sehingga pendapatan bulanan kasar mencapai RM4,000.00 sebulan
- 4** Memberi **diskaun bayaran PTPTN** yang setimpal ataupun dilupuskan seluruhnya untuk pelajar cemerlang dan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah
- 5** Memperkenalkan **insentif perkahwinan bagi pasangan muda** berumur di bawah 35 tahun untuk perkahwinan pertama
- 6** Memberi **insentif cukai kepada majikan** yang membantu menyelesaikan bebanan hutang PTPTN pekerja
- 7** Mewujudkan **lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi** yang bersesuaian dengan kelayakan anak muda
- 8** Merancakkan pertumbuhan **ekonomi & pelaburan negara** dengan cara mempercepat integrasi ekonomi Malaysia ke dalam sistem ekonomi global & serantau
- 9** Mengusahakan agar **mobiliti graduan** dimasukkan sebagai salah satu daripada agenda Komuniti Ekonomi ASEAN untuk membolehkan graduan Malaysia meneroka peluang pekerjaan di negara-negara ASEAN yang lain
- 10** Mengurangkan harga **internet jalur lebar** sehingga separuh daripada kadar sekarang dan meningkatkan kelajuannya sebanyak dua kali ganda



TERAS

MEREFORMASIKAN INSTITUSI PENTADBIRAN DAN POLITIK

JANJI 28

Membina Generasi Muda Yang Kreatif Dan Bebas Daripada Cengkaman Kezaliman

- | | | | |
|----------|-------------------------------------------------------|----------|---------------------------------------------------|
| 1 | Membubarkan Biro Tata Negara (BTN) | 3 | Membatalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) |
| 2 | Memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 | | |



3**TERAS****MERANCAK PERTUMBUHAN EKONOMI YANG ADIL DAN SAKSAMA****JANJI 34 Meningkatkan Pendapatan Rakyat Terbanyak**

- 1** Menaikkan kadar gaji minimum seluruh negara kepada RM 1,500 dalam penggal pertama (semakan setiap dua tahun; PH dan majikan masing-masing membayai RM 250)
- 2** Mengurangkan lambakan pekerja asing (6 juta ke 4 juta orang)

JANJI 35 Menaikkan Martabat Golongan Pekerja Dan Mewujudkan Lebih Banyak Pekerjaan Berkualiti

- 1** Mewujudkan 1 juta pekerjaan berkualiti bagi mewujudkan mobiliti sosial
- 2** Menaikkan kadar gaji minimum ke RM 1,500
- 3** Latihan semula secara percuma dalam sektor-sektor baru teknologi untuk persiapan Revolusi Industri 4.0
- 4** Memberi 150,000 orang pelarian kad UNHCR sebagai pengesahan pelarian dan kebenaran untuk bekerja
- 5** Penyediaan perkhidmatan penjagaan anak di semua jabatan kerajaan, pelaksanaan oleh syarikat swasta pula akan diberi insentif oleh pihak kerajaan manakala bagi IKS pula koordinasi penggabungan beberapa syarikat di tempat yang sama dengan menggunakan satu pusat jagaan akan dilaksanakan

4

TERAS MENGEMBALIKAN STATUS SABAH DAN SARAWAK BERTERASKAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963

JANJI 42 Mencipta lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk anak-anak Sabah dan Sarawak

1 Memperuntukkan **30%** peruntukan **belanjawan tahunan** kepada Sabah dan Sarawak yang berpotensi untuk mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan dibantu dengan projek-projek berkaitan Lebuhraya Pan-Borneo

2 Penubuhan Tabung **Industrialisasi** dan Tabung **Keusahawanan** di peringkat Sabah dan Sarawak



**TERAS**

MEMBINA MALAYSIA YANG INKLUSIF, MODERAT DAN GEMILANG DI PERSADA DUNIA

JANJI 52 Memerangi Jenayah Dan Gejala Sosial

- 1** Mempertingkatkan peruntukan untuk Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan
- 2** Menambahbaik gaji dan kualiti hidup para wira negara serta menambah bilangan anggota keselamatan
- 3** Menghantar para pegawai menjalani latihan lanjut, terutamanya dalam menangani jenayah rogol dan gangguan seksual wanita dan kanak-kanak
- 4** Mempertingkatkan kerjasama antara PDRM dengan pihak terbabit yang lain dalam menangani jenayah atas talian dengan pendanaan dan sokongan dasar yang sewajarnya
- 5** Agensi penguatkuasa akan diarahkan **membanteras sehabis-habisnya arak dan rokok seludup** yang semakin bermaharajalela
- 6** Menggiatkan lagi kerjasama dengan pihak swasta dan syarikat-syarikat milik kerajaan untuk **menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan anti-buli, anti-jenayah dan anti-gejala sosial** di sekolah-sekolah, serta menambah bilangan kaunselor terlatih di sekolah-sekolah
- 7** Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak NGO yang terlibat dalam **pemulihan penagih dadah** untuk mengurangkan kadar mereka yang kembali menggunakan dadah
- 8** Menggalakkan **penggunaan langkah-langkah pengurangan kemudaratian (harm reduction)** dalam menangani gejala penagihan dadah dan mengurangkan penyakit

S**TERAS****MEMBINA MALAYSIA YANG INKLUSIF, MODERAT DAN GEMILANG DI PERSADA DUNIA****JANJI 55 Mempelbagai Ruang Aktiviti Golongan Muda**

1 Memperbanyakkan **ruang-ruang awam** (taman rekreasi dan kemudahan sukan) serta memudahkan anak muda untuk menyewa stadium dan kemudahan-kemudahan sukan dengan kos yang dipastikan rendah

2 Galakan pertumbuhan sektor keusahawanan dalam **kalangan anak muda** dengan tumpuan dan bantuan akan diberikan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan



10 JANJI 100 HARI

4 JANJI UNTUK ANAK MUDA

1
Menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat

2
Menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka FELDA

3
Menstabilkan harga minyak & memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar

4
Memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah

5
Melancarkan kajian terperinci mengenai projek-projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing

6
Menyamaratakan gaji minimum seluruh negara & seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum

7
Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji, & merombak semula struktur kepimpinan mereka


8
Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak & melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963

9
Memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberi RM500 pembiayaan untuk rawatan asas di klinik swasta berdaftar untuk golongan B40

10
Menangguhkan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam yang bergaji kurang dari RM4000 sebulan & memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam

ILTIZAM KHUSUS KERAJAAN UNTUK ANAK MUDA

Selaras dengan DBM, KBS menekankan elemen pengukuhan aset dan penyerahan potensi belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan. Selari dengan arus pembangunan belia yang mengalami perubahan pantas, maka perancangan mengurus pembangunan belia perlu responsif kepada jangkaan dan keperluan serta cabaran masa hadapan belia. Arah tuju kerajaan pada masa kini adalah memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya; mengurangkan bebanan kos sara hidup; membina lebih banyak rumah selesa yang mampu dimiliki oleh anak muda; memberikan peluang pendidikan berkualiti yang percuma; meluaskan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi agar wujud keseimbangan kehidupan dan kerja.





ASET BELIA

Belia merupakan pemimpin masa depan negara dan perlu dipersiapkan sebaiknya dengan segala kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan. Selari dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 yang memberi tumpuan kepada aspek penyerahan potensi belia melalui pembangunan belia yang positif, peluang pekerjaan merentas komuniti, pendidikan berkualiti, akses kemudahan sukan dan rekreasi, serta teknologi adalah elemen-elemen yang membentuk belia positif yang mampu menyumbang semula kepada masyarakat.

Melalui kajian yang dilaksanakan IYRES berkaitan pembangunan belia positif didapati bahawa tahap pembangunan belia positif dalam kalangan belia masih berada pada tahap Sederhana Memuaskan (63.94 skor). Kajian Penilaian Pembangunan Belia Positif 8C pada tahun 2017 ini juga mendapati bahawa masih banyak ruang penambahbaikan diperlukan bagi meningkatkan potensi dan identiti anak muda Malaysia ke tahap yang lebih baik. Di antara inisiatif pembangunan belia positif dari aspek pembangunan kendiri belia yang memerlukan perhatian khas adalah berkaitan pengurusan emosi, kepercayaan terhadap kebolehan diri

serta ketegasan kendiri (IYRES, 2016. Kajian Penilaian *Outcome Indeks Belia Malaysia*). Selain daripada itu, Kajian Penilaian *Outcome IBM* 2016 juga mendapati bahawa penurunan skor Daya Saing dalam kalangan belia sebanyak 3.19 pada tahun 2016 berbanding 2015 memberi isyarat bahawa inisiatif bagi meningkatkan daya saing dalam diri generasi muda amat perlu dititik beratkan bagi mempersiapkan mereka supaya mampu mendepani cabaran dan keperluan semasa dan akan datang.

Hakikatnya membangunkan potensi dan aset belia ini memerlukan satu usaha yang berkesan dan berterusan agar ianya dapat melahirkan generasi anak muda yang dapat menjalani kelangsungan hidup dalam mengharungi persekitaran semasa. Berdasarkan sembilan fokus keutamaan di bawah DBM, antara yang digariskan ialah pendidikan dan latihan kemahiran dan gaya hidup sihat serta sejahtera.

Selari dengan janji Kerajaan untuk anak muda, garapan lebih bersepakut dalam membangunkan aset belia perlu dilaksanakan dari aspek: pendidikan berkualiti; akses kemudahan sukan dan rekreasi; serta teknologi yang mana ia selaras dengan Dasar Belia Malaysia untuk membangunkan aset dalaman dan luaran belia.

1. PENDIDIKAN BERKUALITI

Pendidikan berkualiti merupakan salah satu daripada strategi bagi meningkatkan aset diri belia dan menyerlahkan potensi belia positif. Kumpulan sasar belia tidak hanya berfokus kepada belia bersekolah, bahkan semua kelompok belia agar konteks pendidikan tidak terlihat kecil dan jumud. Penyerlahan potensi belia yang responsif akan terus dilaksana dengan menekankan kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan spiritual (SQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan fizikal (PQ). Justeru, pendidikan berkualiti merentas generasi yang komprehensif adalah wajar bagi menggerakkan pembangunan belia Malaysia.

Pendidikan sama ada formal dan tidak formal antara teras yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Pendidikan formal dapat diikuti di peringkat sekolah manapun

institusi pengajian tinggi. Manakala pendidikan tidak formal dapat dipelajari melalui pengalaman dan pengajaran tidak langsung. Walau bagaimanapun, penerapan nilai seperti jati diri, ketahanan diri, kenegaraan, motivasi dan sebagainya masih perlu dipertingkatkan.

Selaras dengan bidang keutamaan pendidikan dan latihan kemahiran di bawah DBM, usaha memperkasakan institusi latihan, kemahiran teknikal dan vokasional telah dilaksanakan sebagai salah satu langkah membangunkan belia negara. Antara inisiasif yang diambil oleh KBS ialah dengan menyediakan 21 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)/Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) yang menawarkan 16 bidang kemahiran untuk diikuti oleh para belia.



2. AKSES KEMUDAHAN SUKAN & REKREASI

Dalam membangunkan belia Malaysia yang holistik, adalah penting untuk memastikan belia mendapat ruang yang secukupnya untuk beriadah dan berpersatuan yang akhirnya dapat menyumbang kembali tenaga, idea dan masa mereka kepada masyarakat melalui saluran yang betul. Inisiatif pembangunan infrastruktur sukan dan riadah terutamanya untuk golongan belia dan masyarakat telah pun dilaksanakan di pelbagai peringkat. Sehingga kini, KBS telah menyediakan kemudahan sukan di seluruh Malaysia

melibatkan 1,894 buah gelanggang futsal, 80 buah gimnasium dan 12 buah Padang Sintetik (Rumput Tiruan). Kemudahan ini pastinya memberi manfaatkan kepada golongan muda dan masyarakat.

Kemudahan-kemudahan sebegini wajar diperluaskan kepada belia-belia yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) supaya boleh dimanfaatkan sebagai tempat untuk bersosial secara sihat bersama komuniti.

3. TEKNOLOGI

Teknologi merupakan satu teras penting dalam kehidupan yang membantu memudahkan aktiviti sehari-hari. Golongan belia dilihat sebagai kumpulan yang terkehadapan dalam penggunaan teknologi dan inisiatif bagi meningkatkan kelajuan internet jalur lebar sebanyak dua kali ganda dengan pengurangan kadar separuh daripada harga sekarang sedang dalam proses implementasi. Penambahbaikan sebegini adalah amat dialu-alukan dalam mempertingkatkan kebolehcapaian belia terhadap internet, walaubagaimanapun penggunaannya mestilah dipantau oleh pihak berkuasa bagi memastikan belia dan masyarakat terpelihara daripada anasir-anasir negatif yang boleh mengancam kesejahteraan belia dan keselamatan negara.

Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2017 oleh IYRES menunjukkan bahawa skor Ketembusan Media dalam kalangan belia Malaysia semakin menurun daripada skor 73.59 pada tahun 2015 kepada skor 68.12 (2016) dan skor 63.31 (2017). Penurunan skor ini menggambarkan penurunan kualiti dan kesejahteraan hidup belia

Malaysia akibat penggunaan media yang tinggi iaitu melebihi tujuh jam sehari khususnya bagi penggunaan internet dan telefon. Ini menunjukkan bahawa belia Malaysia berisiko terhadap gejala ketagihan skrin kerana penggunaan telefon bimbit dan internet yang melebihi daripada tempoh empat jam sehari diklasifikasi sebagai berada pada tahap ketagihan.

Inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan untuk meningkatkan kualiti dan perkhidmatan internet jalur lebar adalah selaras dengan harapan dan trend gaya hidup generasi muda kini. Namun inisiatif ini perlu ditangani sebaiknya agar ketagihan skrin dalam kalangan generasi muda dan masyarakat tidak menjadi satu wabak serius yang menjadikan kualiti hidup mereka. Ini kerana individu yang ketagihan skrin berpotensi untuk mengalami gangguan yang menjadikan kestabilan fungsi emosi dan mental, perhubungan sosial dan pergaulan serta tanggung jawab terhadap organisasi dan institusi dalam hidupnya (IYRES, 2017. Kajian Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia).



CABARAN BELIA MASA DEPAN

Belia Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran global yang semakin kompetitif khususnya dari aspek politik, ekonomi, sosial dan teknologi (Dasar Belia Malaysia, 2015). Cabaran ini sudah semestinya akan memberikan cabaran berganda buat golongan belia pada masa depan sekiranya tidak diurus dengan sebaik mungkin. Inisiatif kerajaan dalam menangani kos sara hidup, peluang pekerjaan, pemilikan kenderaan dan pemilikan rumah merupakan antara perkara penting yang amat berkaitan dengan 4 cabaran yang digariskan. Menerusi pelaksanaan Kajian Keperluan Hidup dan Kos Sara Hidup oleh IYRES pada tahun 2016 menunjukkan perkara-perkara ini antara hasrat dan kebimbangan belia menjelang 5 tahun mendatang iaitu pada tahun 2020.



1. KOS SARA HIDUP

Kos sara hidup yang melibatkan perbelanjaan individu atau isi rumah untuk tujuan pembelian barang atau perkhidmatan ini adalah untuk menjamin kelangsungan hidup. Ini amat bergantung kepada corak perbelanjaan dan sejauhmana ianya dapat diurus secara efisyen kerana kerap kali berlaku perbelanjaan melebihi pendapatan. Ia secara langsung akan meningkatkan kos sara hidup individu atau isi rumah. Bilangan tanggungan dan lokasi kediaman turut menjadi faktor penghalang keseimbangan kos sara hidup. Walaubagaimanapun bantuan daripada kerajaan amat diharapkan oleh generasi belia khususnya mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah.

Menurut Kajian Keperluan Hidup dan Kos Sara Hidup oleh IYRES pada tahun 2016 menunjukkan 71.6% daripada 1132 orang responden belia tidak memiliki rumah. Sebanyak 60.02% daripada 1132 responden tersebut tinggal di rumah yang dimiliki oleh keluarga. Selain daripada itu, 29% daripada 1132 orang responden menyatakan bahawa usia 25 hingga 30 tahun merupakan usia yang sesuai untuk memiliki rumah sendiri. Majoriti daripada mereka (66.8%) bersetuju bahawa keutamaan mereka adalah

untuk memiliki rumah sendiri, Namun terdapat 31.1% daripada responden memberi keutamaan untuk memiliki kereta berbanding rumah.

Trend ini selari dengan laporan Berita Harian pada 27 November 2016 yang menyatakan bahawa seramai 1,157 individu di bawah umur 25 tahun di isytiharkan muflis dalam tempoh 2012 hingga September 2016. Kes muflis yang direkodkan pula membabitkan 22,581 individu berumur 25 hingga 34 tahun. Antara kes tertinggi menyebabkan muflis adalah kegagalan melunaskan pinjaman sewa beli kenderaan diikuti pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan.

Kajian Jangkaan dan Harapan Belia Mengenai Kos Sara Hidup 2016 oleh IYRES mendapati bahawa belia Malaysia membelanjakan minimum 3.54% daripada pendapatan mereka untuk membayar balik pinjaman pelajaran (PTPTN/MARA dll) dan ada juga yang membelanjakan maksimum 98.88% daripada pendapatan mereka bagi tujuan yang sama.

Domain Kesejahteraan Ekonomi di dalam Indeks Belia Malaysia 2015 serta di dalam Kajian Outcomes Indeks Belia Malaysia pada tahun

2016 dan 2017 mencatatkan skor kedua terendah daripada 12 domain yang lain. Ini menggambarkan kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia dari aspek ekonomi (literasi kewangan, bebas hutang, kebolehpekerjaan, jaminan kewangan dan pegajian) berada pada tahap Kurang Memuaskan. Kajian ini menunjukkan bahawa tiga skor terendah yang perlu ditangani untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan ekonomi belia adalah dari aspek pegajian, jaminan kewangan dan bebas hutang.

Dapatan ini mengesahkan senario yang direkodkan oleh statistik oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menunjukkan sebab utama peminjam memohon menyertai program pengurusan kredit adalah disebabkan oleh tiada perancangan kewangan, diikuti oleh perbelanjaan kesihatan yang tinggi, gagal dalam perniagaan, hilang kawalan menggunakan kad kredit dan kos sara hidup yang tinggi.

Berdasarkan resolusi Round Table Discussion (RTD) : "Perkahwinan Belia : Keperluan vs Kehendak" bertarikh 20 Disember 2018 bertempat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyarankan penubuhan Tabung Perkahwinan Negara sebagai institusi khas yang bertindak mengelola dan mengendalikan pengurusan termasuk perkara berkaitan hal ehwal pra dan pasca perkahwinan.

Mendepani cabaran ekonomi hari ini, anak muda mempunyai pelbagai komitmen yang perlu ditanggung oleh mereka. Insentif perkahwinan ini dapat meningkatkan perkahwinan di usia muda dan mensejahterakan rumah tangga serta keluarga. Insentif ini juga dapat membantu mengurangkan atau mengelak berlakunya permasalahan sosial.

2. PELUANG PEKERJAAN

Arus globalisasi memungkinkan peluang pekerjaan tidak terhad atau hanya tertumpu di dalam negara, bahkan peluang ini perlu direbut di peringkat antarabangsa. Generasi belia perlu memanfaatkan setiap peluang yang ada dan menggunakan kemahiran yang dimiliki untuk bersaing di peringkat antarabangsa serta menawarkan perkhidmatan baru yang diperlukan oleh sesebuah negara. Keterbukaan ini penting untuk memastikan pemikiran tidak hanya berfokus untuk mencari kerja dalam negara sahaja dan memupuk jiwa keusahawanan dalam kalangan belia.

Menurut Kajian Kesedaran Belia Malaysia Terhadap Pembentukan dan Implikasi Pelaksanaan Komuniti



ASEAN pada tahun 2015, mendapatinya bahawa 36.9% daripada 5032 responden belia menyokong pergerakan bebas bekerja dalam negara anggota ASEAN. Sebanyak 27.8% responden bersedia untuk bekerja di negara anggota ASEAN kerana mereka yakin memiliki kemahiran yang mencukupi. Namun, kompetensi kebolehpasaran belia yang perlu dipertingkatkan adalah kemahiran mereka berbahasa Inggeris serta kemahiran keusahawanan (IYRES 2016 Youth Unemployment Profiling and Employability Competencies).

3. PEMILIKAN KENDERAAN

Selain merebut peluang pekerjaan, belia juga merasakan pemilikan kenderaan menjadi satu keperluan untuk kelangsungan hidup. Menurut Kajian Jangkaan dan Harapan Belia Mengenai Kos Sara Hidup pada tahun 2016 menunjukkan terdapat 31.1% daripada responden memberi keutamaan untuk memiliki kereta berbanding rumah.

Merujuk Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), 2014, seramai 60 orang diisyiharkan muflis setiap hari di Malaysia bagi belia yang berusia 33-40 tahun. Lima faktor muflis dalam kalangan belia Malaysia adalah sewa beli kenderaan 26.41%, pinjaman



perumahan 17.6%, pinjaman peribadi 15.5%, pinjaman perniagaan 12.39% dan hutang kad kredit 4.18%.

Berdasarkan resolusi Persidangan Meja Bulat Belia Hutang Belia : Terbebankah Anda? bertarikh 22 Ogos 2015 bertempat di Dewan Komanwel, Institut Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, golongan belia menyarankan agar pihak kerajaan mengkaji semula dengan memperketat peraturan dan perjanjian berkaitan sewa beli kenderaan.


4. PEMILIKAN RUMAH

Golongan belia hari ini mempunyai kesukaran untuk memiliki rumah disebabkan harga rumah di kawasan bandar yang begitu tinggi. Bilangan rumah mampu milik yang terhad di kawasan urban juga merupakan salah satu penyebab kepada perkara ini.

Menurut Kajian Jangkaan dan Harapan Belia Mengenai Kos Sara Hidup pada tahun 2016 menunjukkan bahawa 71.6% daripada 1132 orang responden belia tidak memiliki rumah. Sebanyak 60.02% daripada 1132 responden tersebut tinggal di rumah yang dimiliki oleh keluarga. Selain daripada itu, 29% daripada 1132 orang responden menyatakan bahawa usia 25 hingga 30 tahun merupakan usia yang sesuai untuk memiliki rumah sendiri. Majoriti daripada mereka (66.8%) bersetuju

bahawa keutamaan mereka adalah untuk memiliki rumah sendiri.

Berdasarkan resolusi Persidangan Meja Bulat Belia Hutang Belia : Terbebankah Anda? bertarikh 22 Ogos 2015 bertempat di Dewan Komanwel, Institut Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, golongan belia mencadangkan agar pihak kerajaan mewujudkan satu badan untuk mengumpulkan dana bagi mengawal harga rumah dalam membantu pemilikan rumah dalam kalangan belia.



KESIMPULAN

Anak muda sememangnya memerlukan sokongan persekitaran untuk membolehkan penyerahan potensi mereka yang lebih positif. Dengan bekalan yang mencukupi dan sokongan persekitaran yang tepat, anak muda ini akan dapat berdaya saing dan berjaya mendepani kelangsungan hidup. Maka inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pelbagai bentuk sokongan kepada penyerahan potensi belia pastinya akan menjadi pemangkin kepada pembangunan belia positif yang penting untuk membentuk masa depan Malaysia yang lebih baik. Keberhasilan penyerahan potensi belia sebagai aset negara dalam mendepani cabaran semasa dan akan datang perlu diukur dan dibuktikan melalui pelaksanaan penilaian secara berterusan. Dalam konteks ini, Indeks Belia Malaysia dilihat pastinya akan terus relevan sebagai pengukur pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia.

RUJUKAN

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.(2015). *Dasar Belia Malaysia*. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Putrajaya.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.(2015). *Indeks Belia Malaysia 2015*. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2016. *Kajian Penilaian Pembangunan Belia Positif 8C*. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2016. *Kajian Penilaian Outcome IBM 2016*. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2017. *Kajian Penilaian Outcome IBM 2017*. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2016. *Kajian Keperluan Hidup & Kos Sara Hidup*. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2016. *Kajian Jangkaan & Harapan Belia Mengenai Kos Sara Hidup*. Putrajaya

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2018

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

HUBUNGI
KAMI



@iyresMalaysia

www.iyres.gov.my

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA (IYRES)
ARAS 10, MENARA KBS,
NO 27, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62570 PUTRAJAYA

Penyelidik/Penulis
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)